tidak baik kepada jabatan itu.

Adalah diberitakan, menurut apa yang disampaikan, kalau ada orang dari Singapura yang hendak menunaikan fardu haji pergilah ke pejabat itu, terutamanya dari pihak-pihak pegawai-pegawai kerajaan atau golongan-golongan yang terkemuka, meminta pasport haji, lalu dinyatakan supaya diserahkan segala urusannya, urusan syeikh yang di Mekah, kepada pegawai jabatan itu. Tetapi pernah juga orang yang datang itu tidak mahu dan tidak terhajat ditentukan siapa syeikhnya di Mekah itu.

Ada satu kejadian yang sepatutnya tidak terjadi. Lima orang, yang sepanjang kita lihat dengan mata kita sendiri, menguruskan pasport haji dan akan belayar dengan kapal yang akhir. Apabila syeikhnya di Singapura (syeikh Singapura) menyampaikan pasport haji yang didapat dari jabatan itu untuk belayar bersama-sama tiketnya, maka syeikh itu terperanjat di dalam masa menyampaikan itu melihat bahawa nama syeikh Mekah yang tidak dikehendaki, yang dianjurkan oleh pegawai di Jabatan Haji itu dilekapkan di atas pasport haji orang yang hendak pergi itu. Ini seolah-olah paksaan kepada mereka supaya bersyeikh dengan orang itu. Di situ bertulis syeikhnya bernama Darwish Ashur. Tatkala syeikh Singapura itu bertanya adakah ia menampal nama itu, ia menyatakan tidak tahu sama sekali dan ia tidak akan merekomenkan sesiapa pun syeikh untuk jemaahnya di Mekah. Ia menyatakan yang ia menerima pasport itu dari Jabatan Haji.

Ini menimbulkan suatu pertanyaan apakah kena-mengena Jabatan Haji, jika benar seperti apa yang tersebut itu, menampalkan nama seorang syeikh atau syeikh Mekah di dalam pasport orang haji yang bakal pergi itu? Kerana yang demikian adalah tidak dengan kesukaan orang itu sendiri. Adakah pegawai yang di jabatan itu menjadi wakil kepada syeikh Mekah? – Ini juga menjadi pertanyaan kerana campuran jabatan itu untuk menentukan seseorang syeikh bagi di Mekah mungkin menimbulkan syak wasangka seperti yang tersebut di atas dan mungkin menjadikan jabatan itu untuk mengambil faedah-faedah peribadi dan seumpamanya.

Kerana itu kita berharap Jabatan Hal Ehwal Masyarakat yang tentunya Jabatan Haji itu terletak di bawah jagaannya menyiasat dan menyelidik persoalan ini dengan saksama supaya pada tahun-tahun yang akan datang tempat itu tidak lagi menjadi tanda tanya bagi orang-orang yang hendak menunaikan fardu haji.

* * *

Selamat Hari Raya Aidil Adha

Dengan secara kebetulan keluaran majalah Qalam bilangan ini bertepatan dengan tibanya Hari Raya Aidil Adha al-Mubārak. Dengan ini juga kami bagi pihak Pengurus, Pengarang, dan seumum pekerja-pekerja yang menyelenggarakan majalah Qalam mengambil kesempatan mengucapkan: "Selamat Hari Raya Aidil Adha" serta memohon maaf lahir dan batin kepada segenap para pembaca, para penulis, para wakil-wakil penjual majalah Qalam yang berada di dalam dan di luar nusantara.

Jabatan Tinggi Agama di Turki

Menurut suatu berita dari Istanbul, menyatakan bahawa Menteri Hal Ehwal Agama Heinz telah menyatakan bahawa ia akan menubuhkan jabatan agama yang tertinggi di Turki. 11 orang dari ahli-ahlinya adalah dilantik iaitu selain daripada 16 orang yang dilantik oleh mufti.

* * *

Syeikh Muhammad Nafis bagi pihak penduduk-penduduk Jeddah telah menyerahkan sebuah cek berharga 136,000 riyal kepada duta Pakistan sebagai sumbangan dari umat Saudi di Jeddah kepada *fund* pertahanan Pakistan.